



Kempen RM2 untuk Tabung Ihya Ramadan

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIFLI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan Tabung Ihya Ramadan pada 17 Mei 2016 yang lalu.

Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyuddin Ismail berkata, dalam mengajak masyarakat kampus membudayakan amalan menderma, Kempen RM2 untuk Tabung Ihya Ramadan hasil sumbangan dan tajaan daripada seluruh warga kampus walaupun sedikit amat bermakna buat pelajar dan insan yang memerlukan bantuan.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menyampaikan sumbangan MyGift sebanyak RM90,000.00 kepada pihak PIMPIN sebagai penyediaan jamuan makan sepanjang bulan Ramadan.

Dalam majlis yang sama turut berlangsung forum sambutan Israk dan Mikraj untuk menghayati peritiswa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad S.A.W dan rahsianya serta memberi kesedaran dan memupuk perasan kasih dan cinta kepada junjungan besar Nabi Muhammad.

Panel jemputan terdiri daripada pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Ustaz Ahmad Irfan Ikmal Hisyam dan Ustaz Shahril Ahmad serta Ustaz Azlan Abdul Rahman dari Jabatan Agama Islam Pahang. Perkongsian panel mengenai pengertian Israk dan Mikraj membantu pemahaman yang lebih kepada para hadirin.

UMP mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak termasuk warga UMP, pelajar, alumni dan individu serta badan-badan korporat sama ada di dalam mahu pun luar negara dalam menyokong pembudayaan menderma demi memakmurkan ilmu pendidikan di UMP ini dengan melayari laman web UMP <http://www.ump.edu.my>.

